

## Angkasa lancar portal e-Dagang Shopeera bulan depan



MUTHADO (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Daniel (dua dari kanan) di Wisma Ungku Aziz, Petaling Jaya semalam.

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) menyasarkan pelancaran portal e-Dagang terbaharunya, Shopeera seawal 7 April ini akan dapat memperkasakan perniagaan koperasi secara online di rantau ASEAN.

Naib Presiden Angkasa, Mutadho Bahri berkata, Shopeera perlu diketengahkan segera dan bersaing dengan peneraju pasaran online yang telah lama berkembang.

"Angkasa selaku pengerusi

Organisasi Koperasi ASEAN/ASEAN Cooperative Organisation (ACO) akan menyokong usaha Shopeera dengan meletakkan anak syarikatnya MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. (MyAngkasa) sebagai pengurus portal," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraihan memorandum persefahaman (MoU) antara ACO, MyAngkasa dan D&B Concepts Sdn. Bhd., sejak lalu pembangun portal di sini semalam.



Kosmo (MYS 57)  
07/03/2017

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif MyAngkasa, Shaharuddin Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif D&B, Daniel Phan.

Selain itu, Shaharuddin merangkkan, Shopeera berpotensi kerana sebilangan daripada jumlah koperasi Malaysia yang kini berjumlah 13,000 buah pasti ingin mengambil peluang dari pada pasaran ASEAN.

Sementara itu, Daniel berkata, syarikatnya mengunjurkan jualan sebanyak RM3 juta sebulan daripada 2,000 peniaga online Shopeera bermula tiga bulan selepas dilancarkan secara rasmi.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia